KEMENTERIAN KESIHATAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI
SECARA GLOBAL DAN DI MALAYSIA
Bagi Minggu 45/2013 (3 hingga 9 November 2013)

Persatuan Kesihatan Sedunia melaporkan bagi rantau Pasifik Barat sehingga 13 November 2013, negara negara yang melaporkan peningkatan ketara pada tahun 2013 adalah Lao PDR meningkat sebanyak 440%, Singapura 392%, Australia 11% dan New Caledonia 3472%. Peningkatan global ini juga dirasai oleh Malaysia dimana sehingga 9 November 2013 sejumlah 31,170 kes dilaporkan berbanding 18,679 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 67% atau 12,491 kes. Bagi tempoh yang sama, Malaysia telah melaporkan sebanyak 63 kematian berbanding hanya 32 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas, berlaku peningkatan sebanyak 97 % (31 kematian).

Melalui analisa KKM, pemantauan yang dilakukan terhadap empat (4) jenis serotype virus denggi iaitu DEN 1, 2, 3 dan 4, menunjukkan berlakunya pertukaran tren serotype bermula dari bulan Februari tahun 2013 dimana serotype dominan DEN 3 pada akhir tahun 2012 dan Januari 2013 bertukar kepada jenis serotype DEN 2 pada tahun ini. Pertukaran serotype (*serotype switch*) ini adalah salah satu faktor yang

menyumbang kepada berlakunya peningkatan kes dan kematian demam denggi di negara ini.

Pada minggu lepas (minggu ke 45) iaitu bagi tempoh 3 hingga 9 November, sejumlah 1,416 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat **tujuh (7)** negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perlis yang meningkat sebanyak 5 kes (500%), WPKL &n Putrajaya 34 kes (54%), Negeri Sembilan 6 kes (18%), Sarawak 3 kes (17%), Terengganu 2 kes (13%), Kedah 1 kes (6 %) dan Johor 5 kes (2 %). (Lampiran A).

Kes kematian yang berlaku pada minggu lepas merupakan dua (2) wanita berusia 31 tahun dan 65 tahun yang mengalami komplikasi Demam Denggi seawal 3 hari selepas mula mengalami gejala dan dimasukkkan ke Unit Rawatan Rapi, seterusnya meninggal dunia. Hasil pemeriksaan pembiakan Aedes yang dilakukan mendapati kadar indeks sangat tinggi iaitu antara 2.6% hingga 14.8%. Pembiakan telah ditemui di kawasan berhampiran kediaman kes iaitu di dalam bekas plastik, tikar getah terbuang, tong cat dan tin kosong. Jawatankuasa penduduk telah menjalankan gotong royong bagi membersihkan kawasan terlibat.

Sejumlah 412 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, jumlah lokaliti tertinggi mingguan yang direkodkan bagi tahun ini. Daripada jumlah tersebut, terdapat 79 lokaliti *hotspot* yang dikenalpasti melibatkan hanya di negeri Selangor. Lokaliti- lokaliti hotspot tersebut berlaku di empat (4) daerah di negeri Selangor iaitu 38 lokaliti di Daerah Petaling, 30 lokaliti di Daerah Hulu Langat, sembilan (9) lokaliti di Daerah Gombak dan dua (2) lokaliti di Daerah Sepang.

Kementerian Kesihatan (KKM) ingin mengingatkan kepada semua masyarakat sempena cuti persekolahan yang akan bermula, agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes berada di kawasan kediaman mereka.

KKM menyarankan agar langkah-langkah pencegahan dan kawalan diambil bagi mengelakkan jangkitan denggi seperti menggunakan bahan penghalau nyamuk (repellen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk ketika keluar rumah, terutamanya pada waktu nyamuk aktif menggigit pada awal pagi dan lewat petang, repellen ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti cecair, losyen, sabun, pepejal lilin, aerosol, busa dan krim serta sebahagiannya mempunyai bau yang menyenangkan pengguna. Walaubagaimanapun penggunaanya adalah mengikut arahan yang terdapat pada label produk tersebut. Elakkan diri dan keluarga serta masyarakat dari bahaya jangkitan denggi. **“TIADA AEDES, TIADA DENGGI”**.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (KesihatanAwam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

10 November 2013

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 44/2013
(3 hingga 9 November 2013)

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 9 Nov 2013	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 9 Nov 2012
		Minggu 45 (3 – 9 Nov 2013)	Minggu 44 (27 Okt – 2 Nov 2013)		
1	Perlis	6	1	199 (1)	150
2	Kedah	17	16	698 (1)	711 (4)
3	P. Pinang	29	45	784 (5)	684 (1)
4	Perak	70	81	1,760 (2)	1,498 (5)
5	Selangor	872	991	16,162 (16)	7,794 (12)
6	WPKL & Putrajaya	97	63 (1)	2,023 (8)	1,576 (3)
7	N. Sembilan	38	32	696	464 (2)
8	Melaka	55	65	1,070 (7)	402
9	Johor	155 (2)	152	3,794 (15)	1,394 (1)
10	Pahang	17	24	568 (2)	561 (1)
11	Terengganu	17	15	447	678
12	Kelantan	15	29	1,241 (2)	1,067
13	Sarawak	21	18	1,121 (3)	1,168 (1)
14	Sabah	7	15	597 (1)	522 (2)
15	WP Labuan	0	0	10	10
	Malaysia	1,416 (2)	1,547 (1)	31,170 (63)	18,679 (32)

Nota: ( ) Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT"
SEHINGGA MINGGU 45 (9 NOVEMBER 2013)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	106	146
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	134	125
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	62	118
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	71	104
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29-7/30, Unisel & Jln A7/A-F7/F)	40	98
6	SELANGOR	Petaling	UPM Serdang Kolej 17	34	82
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B zon B (Jln 7/24-7/27)	38	82
8	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Timur)	26	78
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	78	76
10	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	28	74
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A zon A (Jln 7/11-7/22)	21	72
12	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seksyen 1 Bandar Teknologi	28	68
13	SELANGOR	Petaling	SS 22	12	66
14	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	13	65
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	26	61
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 Petaling Jaya	29	61
17	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	30	60
18	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	15	58

19	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 2	17	57
20	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	6	55
21	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seraya Taman Kajang Utama	15	55
22	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 1	29	54
23	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	17	53
24	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Puteri Fasa 7 Zon 1	17	53
25	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Indah Fasa 1 Zon 1	11	53
26	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Persona Taman Kajang Utama	12	52
27	SELANGOR	Sepang	Taman Desa Sentosa	88	51
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	16	49
29	SELANGOR	Gombak	Taman Kelab Ukay	9	49
30	SELANGOR	Hulu Langat	City Garden Palm Villa Kondo Taman Cempaka	35	48
31	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 12 1/2 Jalan Cheras - Kajang	13	48
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/5A-K Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	13	48
33	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 5	11	48
34	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 7 Bandar Sri Putra	8	48
35	SELANGOR	Gombak	Apatrment Laksaman	8	48
36	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 1 (Zon 2)	13	47
37	SELANGOR	Petaling	PJS 9 Lagoon Perdana	13	46
38	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Jati)	9	46
39	SELANGOR	Gombak	Taman Rasmi Jaya Zon 2	14	45
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Uitm Shah Alam Kolej Jati	10	45
41	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Damai Mewah	10	45

42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6/9,6/10,6/11 & 6/14 Tasek Tambahan	14	45
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Nirwana 1-17 Taman Nirwana	16	44
44	SELANGOR	Sepang	Taman Emas	39	44
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jalan AA7/AA & AC7/AC & JLN U7/U - Z7/Z)	17	44
46	SELANGOR	Petaling	SS 19/1 Subang Jaya	16	42
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2 Petaling Jaya	7	42
48	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	13	41
49	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Kondo Ridzuan	10	41
50	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 7	18	41
51	SELANGOR	Gombak	Apartment Residensi Bistaria	9	41
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Apartment Ixora	21	40
53	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Flat Taman Medan Cahaya	7	40
54	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Taman Medan	11	40
55	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/9 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	10	39
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria	10	39
57	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong 1 (Flat Bandar Bukit Puchong)	8	39
58	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Sri Pinang Taman Nirwana	21	37
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Cempaka 2-7 Taman Cempaka	15	37
60	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 2 Bandar Tun Hussein Onn	5	37
61	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	22	37
62	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	6	37
63	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jalan 7/31 - 7/35)	31	37

64	SELANGOR	Petaling	SS 3 (Taman Universiti)	16	35
65	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Mutiara	9	35
66	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Permai (Jalan A28 - A36)	5	34
67	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4C/1-4C/3 Bandar Tasik Kesuma	10	34
68	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 1-14 Taman Kantan Permai	6	34
69	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Subang Murni (Teres A)	5	34
70	SELANGOR	Petaling	Taman Equine (Jalan Putra Permai 2)	7	34
71	SELANGOR	Petaling	PJS 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4, 5 , 6)	5	33
72	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8,15,17&14A Taman Cempaka	8	33
73	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 9/9A-M Seksyen 9 Bandar Baru Bangi	17	33
74	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Bari Bangi	18	32
75	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	19	32
76	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 Teres B2 (Jalan 8/14 - Jalan 8/28)	10	31
77	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Sek 11 Gugusan Dedap 2 (Blok 6-10)	11	31
78	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	7	31
79	SELANGOR	Gombak	Taman Sunway Batu Caves	4	31